

SUKATAN PEPERIKSAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

NAMA SKIM	:	KEJURUTERAAN
TAHAP KECEKAPAN	:	TK 1
JAWATAN	:	JURUTEKNIK SENIBINA
GRED	:	J17

1. Matlamat Sukatan Peperiksaan

- 1.1 Memastikan pegawai memiliki kebolehan dan pengetahuan dalam bidang-bidang pengurusan umum dan pengurusan projek bersesuaian dengan tugas jawatannya.
- 1.2 Memastikan pegawai memahami dan melaksanakan bidang tugas jawatannya selaras dengan prosedur, peraturan dan tatacara pentadbiran kerajaan.

2. Tujuan Peperiksaan

Untuk menguji kebolehan dan kecekapan pegawai sebagai salah satu syarat bagi anjakan gaji dan/atau bagi dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi.

3. Pegawai yang layak menduduki peperiksaan ini

Juruteknik Senibina Gred J17 yang berada ditangga gaji P1 dan telah disahkan dalam perkhidmatan.

4. Sukatan Peperiksaan

Bidang sukatan peperiksaan adalah merangkumi Kompetensi Umum dan Kompetensi Khusus.

BAHAGIAN 1

4.1 KOMPETENSI UMUM

4.1.1 Pengurusan Sumber Manusia

- a. Perlantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kenaikan pangkat perletakan jawatan dan penamatan perkhidmatan kakitangan awam
- b. Tatakelakuan dan tatatertib dalam perkhidmatan awam
- c. Kemudahan pegawai awam seperti kemudahan elaun tugas rasmi, perpindahan tempat kerja, kursus, jenis-jenis cuti, rumah-rumah kerajaan, rawatan perubatan dan elaun lebih masa
- d. Sistem Saraan Malaysia (SSM) – Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

4.1.2 Pengurusan dan Pentadbiran Organisasi

- a. Pengendalian pengaduan awam
- b. Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan
- c. Penggunaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja
- d. Program meningkatkan kualiti layanan melalui urusan telefon
- e. Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK)
- f. Program peningkatan kualiti perkhidmatan kaunter
- g. Piagam pelanggan
- h. Arahan Keselamatan
 - Fizikal
 - Keselamatan dokumen
 - Peribadi

4.1.3 Pengurusan Kewangan

- a. Perolehan kerajaan
 - Prosedur dan syarat pembelian terus, sebutharga dan tender
 - Bekalan barang-barang pejabat
 - Perkhidmatan penyelenggaraan mesin, elektrik dan lif
 - Kerja pembaikan
- b. Pengurusan aset
 - Inventori dan Harta Modal
 - Tatacara kehilangan dan hapuskira
 - Peranan/tugas Pegawai Aset
- c. Pengurusan stor
 - Peranan Pemeriksa barang-barang stor
 - Peranan Pembantu Pemverifikasi stok
- d. Tuntutan bayaran semasa menjalankan urusan rasmi
 - Tuntutan perjalanan
 - Tuntutan elaun lebih masa
 - Tuntutan bayaran balik dan lain-lain

4.1.4 Keutuhan Peribadi

- a. Tonggak 12
 - Menghargai masa
 - Ketekunan membawa kejayaan
 - Keseronokan bekerja
 - Kemuliaan kesederhanaan
 - Ketinggian peribadi
 - Kekuatan sifat baik hati
 - Pengaruh teladan
 - Kewajipan menjalankan tugas
 - Kebijaksanaan berhemah
 - Keutamaan kesabaran

- Peningkatan bakat
- Nikmat mencipta
- b. Nilai dan etika perkhidmatan awam
 - Teras perkhidmatan
 - Nilai-nilai peribadi
 - Nilai mengutamakan pelanggan
 - Nilai keagamaan
 - Nilai-nilai kepimpinan
- c. Pelan Integriti Nasional (PIN)

4.1.5 Pengurusan Projek

- a. Asas dan pengenalan kepada konsep pengurusan projek
- b. Bidang-bidang pengurusan projek
- c. Mengenali ciri-ciri pengurus projek
- d. Kaedah pengurusan projek yang berkesan dan penggunaan *Work Breakdown Structure (WBS)* dan kaedah mengenalpasti *WBS*
- e. Penggunaan dan kebaikan pengurusan projek
- f. Mengetahui elemen-elemen asas dalam aspek perancangan, pelaksanaan serta pemantauan dan kawalan
- g. Mengenali ciri-ciri pengurus projek yang berjaya

BAHAGIAN 2

4.2 KOMPETENSI KHUSUS

4.2.1 Pengetahuan dalam menyediakan lukisan seni bina

- a. Berkemampuan mengenali lukisan kerja seni bina boleh dibuat dengan perisian AutoCAD
- b. Mengetahui perincian bagi teknik-teknik binaan bangunan
- c. Mengenali simbol-simbol yang digunakan dalam lukisan seni bina
- d. Mengetahui skala yang sesuai digunakan dalam lukisan seni bina
- e. Mengetahui perkara-perkara asas dalam lukisan seni bina (seperti no. lukisan, dsb.)

4.2.2 Kebolehan menyedia lukisan persembahan

- a. Mengetahui teknik-teknik penyediaan media persembahan reka bentuk
- b. Mengetahui penggunaan media-media untuk lukisan persembahan
- c. Mempunyai pengetahuan dalam penyediaan model (Nota tutorial: *Corel Draw, Model Making*) (Nota Kursus: Penyediaan Lukisan Persembahan Seni Bina)

4.2.3 Memiliki pengetahuan dalam penyediaan lukisan ukur bangunan

- a. Mengetahui teknik-teknik/kaedah menjalankan kerja-kerja Lukisan Terukur (*Measured Drawing*)
- b. Mengetahui penggunaan peralatan dalam merekod maklumat
- c. Mengenali bahan-bahan dan teknologi binaan bangunan

5. **Soalan** : **ANEKA PILIHAN (OBJEKTIF)**
Bahagian 1: Kompetensi Umum
Jawab semua 40 soalan

Bahagian 2: Kompetensi Khusus
Jawab semua 40 soalan
6. **Masa** : Bahagian 1: 1 jam
Bahagian 2: 1 jam
7. **Tahap kesukaran soalan** : Pengetahuan dan Kefahaman
8. **Rujukan** : Calon–calon tidak dibenarkan merujuk bahan-bahan bacaan/rujukan semasa peperiksaan dijalankan.
9. **Pengecualian** : Calon-calon yang telah lulus mana-mana Bahagian (Komponen) dikecualikan daripada mengambil Bahagian (Komponen) tersebut.
10. **Keputusan** : Aras IV (Lulus/ Melepassi tahap kompetensi pada aras kecemerlangan),
Aras III (Lulus/ Melepassi tahap kompetensi),
Aras II (Lulus bersyarat) dan
Aras I (Tidak melepasi tahap kompetensi).
11. **Pemeriksa dilantik oleh** : Pengerusi Panel Peperiksaan PTK, Jabatan Kerja Raya
12. **Bahasa (Soalan)** : Bahasa Melayu
13. **Permohonan dikemukakan kepada** : Urusetia PTK, Jabatan Kerja Raya

14. **Pusat peperiksaan akan ditetapkan oleh** : Urusetia PTK, Jabatan Kerja Raya
15. **Kekerapan peperiksaan** : Sekali setahun
16. **Tarikh akhir mengemukakan permohonan** : Satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Urusetia PTK, Jabatan Kerja Raya

17. Bahan-bahan Rujukan

17.1. Kompetensi Umum

- a. Arahan Perbendaharaan
- b. Pekeliling Perbendaharaan
- c. Surat Pekeliling Perbendaharaan
- d. Arahan KPKR dan Garis Panduan Pengurusan Tender dan Kontrak
- e. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam – PKPA Bil. 2/91, PKPA Bil. 7/91, PKPA Bil. 8/91 dan PKPA Bil. 1/92
- f. Perintah Am Bhg. A – Bhg. F
- g. Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- h. *A Guide To The Project Management Body of Knowledge, Project Management Institute Standards Committee, USA –Third Edition*
- i. *The Fast Forward MBA in Project Management by Eric Verzuh*
- j. Dokumen MS ISO 9001 dan MS ISO 14001
- k. Arahan Keselamatan

17.2 Kompetensi Khusus

- a. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- b. Nota Tutorial Kursus AutoCaD PTM-Laman Web
- c. Teknologi Binaan Bangunan, DBP
- d. Nota Kursus: Penyediaan Lukisan Kerja dan Lukisan Butiran Senibina
- e. Nota tutorial: *Corel Draw, Model Making*
- f. Nota Kursus: Penyediaan Lukisan Persembahan Senibina
- g. CBMenu versi II
- h. Nota kursus: Lukisan Terukur